

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN :

DATUK ROZMAN BIN ISLI [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap keberkesanan program Kerajaan dalam pemilikan individu Bumiputera di dalam hartanah sama ada rumah kedai ataupun kediaman pada ketika ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera melalui pegangan individu atau institusi. Program dan inisiatif ini telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan dan keberkesanan program adalah berdasarkan pencapaian seperti berikut:

i. Program pemilikan unit kediaman bumiputera

- 74.5% atau 1,063 daripada 1,427 unit kediaman (daripada tahun 2011 sehingga tahun 2015) oleh UDA Holdings Berhad (UDA);
- 6,292 unit kediaman diperuntukkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) bagi tahun 2015;
- 3,667 unit kediaman di bawah program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2015; dan
- 50,079 unit kediaman Bumiputera oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang terdiri daripada:
 - (i) 34,426 unit Rumah Mesra Rakyat (daripada tahun 2002 sehingga 31 Januari 2016); dan

(ii) 15,653 unit Rumah Aspirasi Rakyat (daripada tahun 2004 sehingga 31 Januari 2016)

ii. **Program pemilikan hartanah komersial atau ruang niaga**

- 68.7% atau 250 daripada 348 ruang niaga (daripada tahun 2011 sehingga 2015) oleh UDA Holdings Berhad (UDA);
- 199 unit hartanah komersil bernilai RM212.57 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) (daripada tahun 2008 sehingga tahun 2015);
- 7,188 bilangan ruang niaga yang terdiri daripada 168 lot komersial, 116 arked, 186 bazar dan 25 Kawasan Industri MARA (KIM) oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) (sejak penubuhan MARA 1956 sehingga Januari 2016); dan
- Dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) (daripada November 2010 sehingga 29 Februari 2016) oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) yang bersaiz 2 bilion unit dan telah dilanggan sepenuhnya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan masih meneruskan program bagi meningkatkan syer pemilikan kekayaan Bumiputera melalui strategi seperti berikut:

i. **Mengukuhkan Program Berasaskan Institusi bagi Pemilikan Aset**

- Peranan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) akan terus diperkukuh untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam

aktiviti perdagangan dan perniagaan di lokasi strategik, terutamanya di kawasan bandar;

- Aset berasaskan Bumiputera seperti tanah rizab Melayu dan tanah wakaf akan dibangunkan dengan pembinaan perumahan mampu milik bagi isi rumah Bumiputera;
- Satu mekanisme akan diperkenalkan untuk membolehkan institusi Bumiputera membeli lot hartanah Bumiputera yang tidak terjual di kawasan pembangunan baharu. Institusi ini akan memiliki hartanah tersebut dan menerima hasil sewaan sehingga hartanah ini dibeli oleh Bumiputera yang berminat; dan
- Organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) seperti MARA, TEKUN Nasional dan PUNB akan terus mendapatkan ruang niaga atau lot kedai di kawasan strategik untuk disewa kepada usahawan Bumiputera.

ii. Memperkenalkan Mekanisme Pembiayaan Baharu bagi Aset Bukan Kewangan

- Mekanisme tabungan *clawback* akan diperkenalkan dalam usaha membantu Bumiputera untuk memiliki hartanah kediaman dengan membina lebih banyak rumah mampu milik menggunakan sumber dana ini; dan
- Dana Pusingan Hartanah Komersial Bumiputera akan ditubuhkan untuk membantu usahawan Bumiputera memperoleh hartanah komersial. Inisiatif ini akan membolehkan usahawan Bumiputera daripada menyewa kepada memiliki hartanah tersebut.

Kerajaan berharap agar segala program dan inisiatif yang telah dilaksanakan seperti yang saya sebutkan tadi akan dapat meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera.

Sekian. Terima kasih.